



Headline: RM110,000 lesap ditipu Macau Scam
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 28 February 2022

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 17

RM110,000 lesap ditipu Macau Scam

Guru cemas didakwa ada tunggakan cukai RM36,690 beri maklumat peribadi, bank

Oleh Melvin Joni
bhnews@bh.com.my

Mukah: Seorang guru wanita mengalami kerugian sehingga mencecah RM110,000 akibat diperdaya sindiket Macau Scam.

Ketua Polis Daerah Mukah, Deputi Superintendan Muhamad Rizal Alias, berkata mangsa berusia 32 tahun dari Kedah itu mengajar di sebuah sekolah rendah, di sini.

Berdasarkan laporan guru itu, beliau berkata, terdahulu mangsa dihubungi seorang wanita ko-

nonnya daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), 12 Februari lalu.

Katanya, suspek mendakwa mangsa mempunyai tunggakan cukai pendapatan berjumlah RM36,690 dan terdapat sebuah syarikat di Kuantan, Pahang, di daftarkan atas namanya.

Beliau berkata, suspek kemudian meminta mangsa membuat laporan polis lalu menyambung talian kononnya ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang untuk bercakap dengan 'Sarjan Arifin'.

"Mangsa diminta memberikan butiran peribadi dan perbankan serta nombor TAC kononnya kepada pihak Bank Negara Malaysia bagi tujuan penyiasatan dan pembekuan akaun.

"Mangsa yang berasa cemas telah mengikuti arahan 'Sarjan Arifin' dan mendedahkan semua butiran yang diminta," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Muhamad Rizal memaklumkan pada Jumaat lalu, guru itu pergi ke sebuah cawangan bank di Mukah untuk menyemak baki

“Mangsa yang berasa cemas telah mengikuti arahan 'Sarjan Arifin' dan mendedahkan semua butiran yang diminta”



Muhamad Rizal Alias,
Ketua Polis
Daerah Mukah

wang dalam akaunnya.

Bagaimanapun, beliau berkata, mangsa mendapati wangnya RM110,000 sudah dipindahkan ke akaun seorang individu lain.

Susulan itu, katanya, mangsa yang mengesyaki diri ditipu tampil membuat laporan di Balai Polis Mukah, jam 12.51 tengah hari kelmarin.